

# LAMPIRAN

## BORANG KAJI SELIDIK

**Tajuk: Kefahaman Tentang *al-Sakhā'* dan Penghayatannya di  
Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah  
Alam, Selangor Darul Ehsan.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Tuan/Puan/Saudara/Saudari,

Saya Halipah binti Hamzah merupakan salah seorang pensyarah di Universiti Teknologi MARA Seksyen 17, Shah Alam, Selangor dan kini sedang mengikuti kursus Ijazah Sarjana di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Salah satu syarat untuk menyempurnakan kursus ini adalah penulisan disertasi dan tajuk disertasi saya seperti yang tertera di atas.

Borang kaji selidik ini adalah bertujuan untuk membantu dalam menyempurnakan penulisan disertasi saya. Justeru itu saya amat mengharapkan agar tuan/puan/saudara/saudari dapat memberikan kerjasama meluangkan sedikit masa untuk mengisi borang kaji selidik ini serta menjawab dengan ikhlas dan jujur. Semua maklumat hanya untuk tujuan penyelidikan semata-mata dan akan dirahsiakan. Mudah-mudahan dengan bantuan ini dapat menjayakan penulisan disertasi saya ini. Jutaan terimakasih saya kalungkan di atas kerjasama yang telah diberikan.

Wassalam.

**Panduan dan arahan :**

Sila tandakan ( ✓ ) untuk **satu sahaja jawapan terbaik** yang dipilih.

**Bahagian A : Butir-butir peribadi**

1. Usia ( )
  - a) 20 tahun ke bawah. ( )
  - b) 21 – 30 tahun. ( )
  - c) 31 – 40 tahun. ( )
  - d) 41 – 50 tahun. ( )
  - e) 51 tahun ke atas. ( )
  
2. Jantina ( )
  - a) Lelaki. ( )
  - b) Perempuan. ( )
  
3. Status perkahwinan ( )
  - a) Kahwin. ( )
  - b) Bujang. ( )
  
4. Profesion ( )
  - a) Kakitangan Akademik. ( )
  - b) Kakitangan Pentadbiran. ( )
  
5. Pendapatan sebulan ( )
  - a) RM 500 ke bawah. ( )
  - b) RM 501 – RM 1000. ( )
  - c) RM 1001 - RM1500. ( )
  - d) RM 1501 – RM 2000. ( )

e) RM 2001 – RM 2500. ( )

f) RM 2501 ke atas. ( )

### Bahagian B : Konsep *al-sakhā'* dan aset

6. Apakah yang anda faham mengenai definisi *al-sakhā'* ? ( )
- a) Murah hati atau dermawan. ( )
  - b) Bermurah hati dengan harta dan apa yang ada padanya kerana Allah s.w.t. ( )
  - c) Pemurah, iaitu memberikan harta sebagai tambahan dari yang wajib. ( )
  - d) Pemurah iaitu berbuat baik kepada rakan dan bersifat pemurah dengan harta. ( )
  - e) Bermurah hati iaitu menunaikan hak-hak Allah s.w.t. dengan niat dan kemahuan sendiri serta ketaatan kepada-Nya. ( )
7. Dari manakah anda mendapat maklumat mengenai konsep *al-sakhā'* ini? ( )
- a) Ibu bapa. ( )
  - b) Guru. ( )
  - c) Pensyarah. ( )
  - d) Buku. ( )
  - e) Media massa. ( )
  - f) Kawan-kawan. ( )
8. Apakah yang anda faham tentang maksud aset? ( )
- a) Wang tunai dan harta benda yang dimiliki. ( )
  - b) Suatu ciri sifat istimewa yang bernilai atau berguna pada seseorang dan lain-lain. ( )
  - c) Harta, kepunyaan, sesuatu yang bernilai. ( )

9. Apakah yang anda tahu mengenai faedah harta berkaitan dengan urusan akhirat?
- a) Harta yang dibelanjakan untuk kepentingan diri sendiri dalam hal peribadatan. ( )
  - b) Harta yang dibelanjakan untuk kegunaan orang lain. ( )
  - c) Harta yang dibelanjakan untuk projek-projek tertentu yang membawa kepada maslahat orang ramai. ( )
  - d) Semua kenyataan di atas. ( )
10. Apakah yang anda tahu tentang bencana harta berkaitan dengan urusan agama?
- a) Harta itu mendorong pemiliknya melakukan maksiat dan kecurangan. ( )
  - b) Harta itu mendorong seseorang untuk menurut hawa nafsu dan keinginan dalam mengecap kenikmatan yang diharuskan secara melampaui batas. ( )
  - c) Urusan memperbanyakkan harta melalaikan diri individu dari mengingati Allah s.w.t. ( )
  - d) Semua kenyataan di atas. ( )
11. Apakah yang anda tahu mengenai bencana harta berkaitan dengan urusan dunia?
- a) Bimbang kehabisan harta dan berasa sedih apabila harta tidak bertambah. ( )
  - b) Bekerja dengan tekun untuk menambah harta dan menahannya dari berbelanja. ( )
  - c) Sentiasa memikirkan cara-cara untuk bertindak terhadap rakan kongsi. ( )
  - d) Semua kenyataan di atas. ( )

12. Apakah yang anda faham mengenai konsep sedekah?

- a) Seluruh bentuk kebaikan dan keihsanan adalah sedekah iaitu berpahala. ( )
- b) Setiap perkara yang baik itu sedekah. ( )
- c) Sedekah dalam keadaan sihat dan berkeinginan untuk memiliki lebih besar pahalanya. ( )
- d) Sedekah yang dilakukan bukanlah untuk kepentingan Allah s.w.t. tetapi untuk kepentingan dan kebaikan hamba-Nya sendiri sama ada di dunia atau akhirat. ( )
- e) Amalan bersedekah hendaklah dilakukan secara rahsia kerana pahalanya berganda berbanding dengan pahala sedekah secara berterang-terangan dan ia lebih diutamakan. ( )

13. Apakah yang anda tahu tentang konsep pinjaman?

- a) Allah s.w.t. menjanjikan ganjaran pahala pinjaman dengan bayaran pahala berlipat-ganda. ( )
- b) *Qard al-Hasan* atau pinjaman yang baik adalah pinjaman yang dihulurkan oleh seorang Islam yang berada kepada orang Islam lain yang memerlukan pertolongannya kerana menghadapi masalah kewangan yang berat. ( )
- c) Pinjaman yang baik dapat menutup dosa-dosa yang dilakukan. ( )
- d) Pinjaman merupakan salah satu dari jenis pengagihan harta dan digalakkan Islam. ( )

14. Apakah yang anda tahu mengenai menjaga maruah dan kedudukan yang boleh dihubungkan dengan aset?

- a) Seseorang itu membelanjakan hartanya dengan mengadakan undangan jamuan makan, memberi hadiah, pertolongan atau lain-lain sumbangan kepada orang yang berkedudukan di kalangan masyarakat. ( )

- b) Perkara ini ada manfaatnya menurut perspektif agama kerana mendatangkan faedah melalui perhubungan persaudaraan dan persahabatan. ( )
- c) Ia termasuk di dalam perkara-perkara yang menghasilkan pahala yang besar. ( )
- d) Semua kenyataan di atas. ( )

15. Pada pendapat anda, mengapakah melindungi kehormatan diri dengan cara membelanjakan harta diharuskan agama?

- a) Kerana sesuatu yang dibuat oleh seseorang untuk melindungi kehormatan dirinya dikira sebagai suatu sedekah. ( )
- b) Kerana dengan berbuat demikian seolah-olah seseorang itu telah memelihara diri si pencaci daripada berdusta. ( )
- c) Kerana perkara itu menghentikan perbuatan jahat serta sikap permusuhan dan ia merupakan sebahagian dari keuntungan keagamaan. ( )
- d) Kesemua alasan di atas. ( )

16. Apakah yang anda faham mengenai wakaf?

- a) Harta yang dibelanjakan oleh seseorang untuk mengadakan projek-projek tertentu yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai disebut harta wakaf. ( )
- b) Ia memberikan keberkatan serta ganjaran pahalanya kekal walaupun selepas meninggal dunia selagi sumber atau projek itu masih digunakan oleh orang ramai. ( )
- c) Harta wakaf perlu mempunyai ciri-ciri jelas jenis dan pemilikannya, dihalalkan Islam, bersifat kekal fizikalnya dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain dari yang disyaratkan. ( )

- f) Bermuzakarah. ( )
- g) Menolong kerja dan bergotong-royong. ( )
- h) Menghulurkan derma dan sedekah. ( )

**Bahagian D : Kesan penglibatan dalam amalan *al-sakhā'* dan pendekatan menggalakkannya**

21. Apakah pandangan anda tentang faedah *al-sakhā'* ini?
- a) Mendapat ganjaran pahala dan keampunan dari Allah s.w.t. ( )
  - b) Memberi perkhidmatan dan membantu mengurangkan masalah individu dan masyarakat. ( )
  - c) Menyuburkan harta kekayaan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. ( )
  - d) Membuktikan ketaatan kepada Allah s.w.t. ( )
  - e) Mengikis sifat kedekut dan mementingkan diri sendiri. ( )
22. Apakah faedah yang anda perolehi hasil dari pengamalan *al-sakhā'*?
- a) Mendapat ramai kawan dan rakan. ( )
  - b) Disayangi oleh saudara-mara dan rakan-rakan. ( )
  - c) Merasa tenang, tenteram dan bahagia. ( )
  - d) Mendapat kepuasan kerana dapat beramal. ( )
  - e) Tubuh badan sentiasa sihat. ( )
23. Apakah cadangan anda dalam mendorong kakitangan UiTM untuk mengamalkan konsep *al-sakhā'* ini?
- a) Menjelaskan tentang tuntutan agama terhadapnya. ( )
  - b) Menerangkan ganjaran dan faedah yang diperolehi hasil daripada pengamalannya. ( )
  - c) Menerangkan keburukan sifat bakhil dan kemuliaan sifat pemurah. ( )



- d) Menjelaskan maksud aset dan bagaimana penggunaannya ( )  
menurut perspektif Islam.
- e) Mengingatkan bahawa segala kurniaan Allah s.w.t. mesti ( )  
dimanfaatkan bersama.
24. Apakah masalah yang menghalang anda dalam mengamalkan konsep *al-sakhā'* ini?
- a) Kurang faham mengenai konsep ini dengan-sebenar-benarnya. ( )
- b) Membuat tanggapan bahawa konsep ini hanya melibatkan aset ( )  
harta sahaja.
- c) Kurang jelas maksud aset yang sebenarnya dan bagaimana ( )  
hendak digunakan.
- d) Bersikap tidak suka campurtangan dalam urusan orang lain. ( )
25. Apakah cadangan anda untuk menangani masalah *al-sakhā'*?
- a) Menghadiri majlis ilmu dan mendekati diri dengan ulama. ( )
- b) Melawan hawa nafsu dengan melatih diri mengamalkan sifat ( )  
yang mulia ini.
- c) Bermuhasabah dan menginsafkan diri tentang keburukan sifat ( )  
bakhil.
- d) Menyedarkan diri bahawa segala kurniaan adalah milik Allah. ( )
- e) Membaca sirah Nabi dan kisah para sahabat untuk meneladani ( )  
sifat dermawan mereka.

**TERIMA KASIH. SEMOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T.**